

# Elak makanan syubhah petua Putri Nadia

**PELAJAR** Tamhidi Sains dan Teknologi (Pra-Universiti) Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Putri Nur Nadia Bakri, 18 mengharumkan nama Malaysia dan Usim apabila muncul johan dalam Musabaqah Menghafaz Al-Quran dan Kefahamannya Peringkat Negara Anggota Mabims 1436H.

Pertandingan tersebut berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Brunei Darussalam pada 30 Jun hingga 3 Julai lalu. Putri Nur Nadia yang bertanding bagi kategori menghafaz Juz 10 al-Quran dan kefahaman juzuk tujuh berjaya membawa pulang hadiah berupa wang tunai BND4000 (RM11,101.68), piala dan sijil penghargaan.

Pada tahun ini, seramai lapan peserta terdiri daripada empat lelaki dan empat perempuan dari negara Mabims iaitu Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Ia mempertandingkan dua kategori iaitu menghafaz juz 10 al-Quran berserta kefahaman juz tujuh dan menghafaz juz 30 serta kefahaman juz 20 yang turut diungguli wakil Malaysia, iaitu pelajar Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Fariyah Zulkifli, 20.

Putri Nur Nadia yang ditemui sekembalinya ke tanah air mengucapkan



**Putri Nadia (dua, kanan) dan Fariyah (tengah) bersama delegasi Malaysia ke Brunei pada majlis Musabaqah Menghafaz Al-Quran, 3 Julai lalu.**

rasa syukur atas kemenangan itu, walaupun mendapat saingan hebat daripada peserta Mabims lain.

"Ini adalah kali pertama saya mewakili Malaysia bagi pertandingan hafazan peringkat antarabangsa dan berasa gembira dapat mengharumkan nama negara.

"Terima kasih kepada kedua ibu bapa

yang banyak membantu semasa latihan hafazan sebelum ke pertandingan ini.

"Saya mula menghafaz 30 juz al-Quran semasa berada di Tingkatan Satu Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Tekonologi Istana Bandar (MITIB), Jugra, Selangor.

"Petua yang saya amalkan supaya mudah dan menjaga hafazan adalah sentiasa konsisten mengulang hafalan

dan ikhlaskan hati membaca al-Quran. Ibu juga amat menjaga pemakanan saya antaranya mengelakkan makanan berunsur syubhah," ujarnya.

Musabaqah ini dianjurkan bertujuan untuk membantu visi dan misi Mabims di samping mewujudkan kerjasama dalam kalangan negara anggota Mabims dalam bidang pengajian dan penyebaran al-Quran.

Selain itu, ia dapat mengeratkan jalinan integrasi terutama dalam bidang al-Quran bagi menyatukan perpaduan ummah melalui al-Quran sebagai sumber kejayaan dan kegemilangan di dunia dan akhirat serta merangsang generasi muda dan belia ke arah penerimaan al-Quran daripada aspek penjagaan hafazan dan penghayatan kitab suci ini.

Majlis penyampaian hadiah dan penutup musabaqah ini disempurnakan oleh Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sultan Haji Hassanah Bolkiah, pada majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Brunei Darussalam pada 3 Julai lalu.

Putri Nur Nadia sebelum ini menjuarai pertandingan hafazan pada majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan kali ke-36 dalam kategori 1-20 juzuk, Mac lalu.